



Kementerian Kerja Raya (KKR)



# KENYATAAN AKHBAR

## 12 WARTAWAN DIKTIRAF DALAM ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN CIDB 2017

**Kuala Lumpur, 13 Oktober 2017:** Kementerian Kerja Raya (KKR) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini meraikan 12 wartawan dan jurugambar dalam Anugerah Media Pembinaan CIDB 2017 (AMP 2017).

AMP 2017 yang disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof sempena Malam Penghargaan Media KKR itu, adalah sebagai pengiktirafan terhadap karya kewartawanan pembinaan tempatan terbaik bagi Semenanjung Malaysia.

"Peranan media adalah sangat penting dalam memberi pemahaman kepada publik terhadap agenda transformasi nasional di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020 (CITP) yang merupakan sebahagian daripada Rancangan Malaysia Ke-11.

"Sebab itulah kita anjurkan AMP setiap tahun sebagai platform untuk para media berkarya sekaligus membantu CIDB menghebahkan segala inisiatif dan pencapaian lebih-lebih lagi di saat CITP berada di titik tengah pelaksanaannya bagi menyediakan Malaysia ke arah sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020," kata Dato' Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2015, AMP telah menerima penyertaan yang memberangsangkan daripada pengamal media seluruh negara. Untuk tahun 2017, AMP yang mendapat kerjasama KKR dan Malaysian Press Institute (MPI) menerima penyertaan sebanyak 144 penyertaan daripada Semenanjung Malaysia membabitkan media cetak, elektronik dan online.

AMP dibahagikan kepada tiga kawasan liputan iaitu; Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Bagi setiap kawasan liputan, terdapat tiga kategori yang dipertandingkan iaitu:

- i. Kategori Media Cetak (Berita & Rencana)
- ii. Kategori Media Elektronik & Online Broadcasting (Berita & Rencana)
- iii. Kategori Fotografi

Setiap kategori menawarkan hadiah wang tunai terkumpul berjumlah RM90,000 untuk semua kawasan liputan termasuk sijil penyertaan dan trofi.

Antara pemenang untuk AMP 2017 bagi Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

**A. Kategori Media Cetak (Berita & Rencana):**

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk	Hadiah
<b>Pertama</b>	Ang Hui Hsien	Focus Malaysia	A river of opportunity	RM5,000.00
<b>Kedua</b>	Syed Jaymal Zahiid	Malay Mail	How a skewed system keeps house prices high and developers rich	RM3,000.00
<b>Ketiga</b>	Shalini a/p Ravindran	The Star	Impeded by poor planning	RM2,000.00

**B. Kategori Media Penyiaran Elektronik & Video Portal Berita:**

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk	Hadiah
<b>Pertama</b>	Hilal Bin Azmi & Samsulkamal Bin Abdul Latip	Astro Awani	Konkrit runtuh di KL Eco City: Seorang maut, lima cedera	RM5,000.00
<b>Kedua</b>	Wan Eizzul Islam Wan Zulkifli & Khairul Azwan Khalil	NTV7	Federal trunk roads to offer unique experience #FTRoadpedia	RM3,000.00
<b>Ketiga</b>	Mohd Safwan Sawi & Mohd Jufri Mohd Judin	TV3	Transit Aliran Massa - MRT	RM2,000.00

**C. Kategori Fotografi:**

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk	Hadiah
<b>Pertama</b>	Lek Kah Meng	Sin Chew Daily	What a splash of fireworks!	RM5,000.00
<b>Kedua</b>	Mohamed Sairien Mohamed Nafis	New Straits Times	MRT mula beroperasi	RM3,000.00
<b>Ketiga</b>	Puspanathan a/l Periannan	The Star	Dirt busters in action	RM2,000.00

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my)

---

### ***Mengenai CIDB***

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---